

MAJLIS BERKHATAN PERDANA PU LABUAN



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4705-majlis-berkhatan-perdana-pu-labuan

LABUAN, 22 Mac 19 – Pangkalan Udara Labuan telah menganjurkan Majlis Berkhatan Perdana Peringkat pangkalan. Majlis yang ulungkali diadakan ini adalah kerjasama dari Pejabat Kesihatan Labuan.

Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Sardon bin Hassan TUDM yang hadir bersama isteri, Datin Hasnah binti Andik telah merasmikan majlis ini dan dimulakan dengan ucapan.

Seramai 13 kanak-kanak yang akan berkhatan dimandikan menggunakan semburan air paip bomba. Seterunya perarakan dari masjid ke RSAT Pangkalan untuk memulakan majlis berkhatan.

